



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
BILANGAN 5/2016**

---

**Perwakilan Kuasa Pihak Berkuasa Negeri Kepada Pengarah Tanah Dan Galian Negeri, Negeri Sembilan Bagi Urusan Pecah Bahagian Tanah Selaras Dengan Peruntukan Seksyen 13 Kanun Tanah Negara 1965**

**1. Tujuan**

- 1.1 Pekiiling ini dikeluarkan sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di Negeri Sembilan mengenai perwakilan kuasa Pihak Berkuasa Negeri kepada Pengarah Tanah Dan Galian Negeri, Negeri Sembilan bagi urusan pecah bahagian tanah selaras dengan peruntukan seksyen 13 Kanun Tanah Negara 1965.

**2. Latar Belakang**

- 2.1. Sebelum pindaan Kanun Tanah Negara 1965 melalui Akta Kanun Tanah Negara [KTN] [Pindaan] 2008 [Akta A1333] yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2009, peruntukan Kanun Tanah Negara tidak membenarkan pecah bahagian tanah yang tertakluk kepada kategori pertanian atau kepada syarat yang mengkehendaki kegunaannya untuk maksud pertanian jika, mana-mana umpukan akibat daripada pecah

bahagian tanah tersebut kurang daripada dua per lima (2/5) hektar (0.4 hektar).

- 2.2. Kuasa untuk meluluskan permohonan pecah bahagian tanah dalam keadaan tiada apa-apa arahan berlawanan oleh Pihak Berkuasa Negeri, diperuntukkan di bawah seksyen 140(2) Kanun Tanah Negara kepada:
  - a) Pengarah Tanah dan Galian bagi hakmilik yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftar,
  - b) Pentadbir Tanah Daerah bagi hakmilik yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Tanah.
- 2.3. Selepas pindaan Kanun Tanah Negara 1965 melalui Akta Kanun Tanah Negara [KTN] [Pindaan] 2008 [Akta A1333] yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2009, umpukan akibat pecah bahagian tanah kategori pertanian atau kepada syarat yang mengkehendaki kegunaannya untuk maksud pertanian tidak lagi tertakluk kepada keluasan minima dua per lima (2/5) hektar (0.4 hektar).
- 2.4. Kuasa untuk meluluskan permohonan pecah bahagian tanah yang tertakluk kepada kategori pertanian atau kepada syarat yang mengkehendaki kegunaannya untuk maksud pertanian jika, mana-mana umpukan akibat daripada pecah bahagian tanah tersebut kurang daripada dua per lima (2/5) hektar (0.4 hektar) diperuntukkan kepada **Pihak Berkuasa Negeri** melalui seksyen 143A Kanun Tanah Negara.
- 2.5. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) yang bersidang pada 15 Oktober 2014 melalui Kertas Mesyuarat No: 2762 telah mengambil keputusan bersetuju mewakilkan kuasa yang diperuntukkan kepada Pihak Berkuasa Negeri kepada **Pengarah Tanah Dan Galian Negeri, Negeri Sembilan** untuk meluluskan atau menolak permohonan pecah bahagian tanah yang tertakluk kepada kategori pertanian atau kepada syarat yang mengkehendaki kegunaannya untuk maksud pertanian bagi

hakmilik yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftar atau hakmilik Pejabat Tanah selaras dengan seksyen 13 Kanun Tanah Negara 1965 seperti berikut:

- 2.5.1. Bagi permohonan yang melibatkan tanah yang berkeluasan melebihi 2/5 hektar dan tiap-tiap umpukan akibat pecah bahagian itu adalah kurang daripada 2/5 hektar, atau umpukannya mengandungi kombinasi lebih atau kurang daripada 2/5 hektar; dan
  - 2.5.2. Bagi permohonan yang melibatkan tanah berkeluasan 2/5 hektar atau kurang yang mana hasil umpukannya sememangnya akan menghasilkan keluasan kurang daripada 2/5 hektar.
- 2.6. Perwakilan kuasa ini telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Sembilan No: 102 bertarikh 17 Mac 2016 dan berkuatkuasa mulai 15 Oktober 2015.

### 3. Pelaksanaan

- 3.1. Semua permohonan untuk memecah bahagian tanah yang tertakluk kepada kategori pertanian atau kepada syarat yang mengkehendaki kegunaannya untuk maksud pertanian bagi hakmilik Pejabat Pendaftar atau hakmilik Pejabat Tanah yang melibatkan:
  - (a) tanah yang berkeluasan melebihi 2/5 hektar dan tiap-tiap umpukan akibat pecah bahagian itu adalah kurang daripada 2/5 hektar, atau umpukannya mengandungi kombinasi lebih atau kurang daripada 2/5 hektar; dan

- (b) tanah berkeluasan 2/5 hektar atau kurang yang mana hasil umpukannya sememangnya akan menghasilkan keluasan kurang daripada 2/5 hektar.

yang teratur hendaklah diangkat untuk pertimbangan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan.

- 3.2. Kertas untuk pertimbangan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan hendaklah mengikut kaedah dan format sebagaimana dalam Arahan PTGNS Bil 2/2014.

#### 4. Pemakaian

- 4.1. Pekeliling ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh semua warga kerja pentadbiran tanah Negeri Sembilan.

#### 5. Tarikh Kuatkuasa

- 5.1 Pekeliling ini dikeluarkan menurut perenggan 15(i)(g) Kanun Tanah Negara 1965 dan mula berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

  
( DATO' ZULKIFLI BIN BAHARAN )

Pengarah Tanah dan Galian Negeri,  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tarikh : 30 Ogos 2016

Rujukan : Bil (3) dlm. PTG.NS 10/14 klt.3 sj.5